

24/09/1998

Ekonomi negara semakin pulih

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tanda-tanda ekonomi negara semakin pulih sudah wujud berikutan usaha kerajaan memperkenalkan pelbagai langkah pemulihan sejak beberapa minggu lalu.

Menurut Perdana Menteri, dalam tempoh tiga minggu sejak kerajaan melaksanakan langkah kawalan ekonomi, rizab negara meningkat sehingga AS\$90 juta (RM342 juta).

"Ini kerana wang mengalir masuk ke dalam negara dan tidak keluar. Kita berdagang menggunakan mata wang asing, kita jual dengan dolar Amerika, kita beli juga guna dolar Amerika.

"Tetapi oleh kerana kita lebih banyak mengeksport daripada mengimport, maka simpanan kita bertambah banyak," katanya ketika menyampaikan taklimat mengenai soal ekonomi dan politik negara kepada lebih 30 pemimpin pertubuhan masyarakat Cina di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Sebelum itu, kumpulan pemimpin itu yang diketuai Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menyerahkan kira-kira 100,000 kad ucapan merdeka yang ditulis masyarakat Cina dari seluruh negara kepada Dr Mahathir bagi melahirkan sokongan kepemimpinan beliau di samping mengucapkan selamat Hari Merdeka.

Dr Mahathir juga menjelaskan tindakan beliau memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan turut memudahkan beliau memperkenalkan langkah baru bagi menangani masalah ekonomi.

Menurutnya, Anwar tidak faham bagaimana untuk menguruskan kewangan atau ekonomi negara hingga menimbulkan banyak masalah ekonomi, walaupun beliau boleh bercakap dengan baik mengenainya.

"Beliau tidak faham mengenai pengurusan kewangan atau ekonomi. Beliau boleh bercakap, tetapi beliau benar-benar tidak faham bagaimana untuk menguruskan ekonomi.

"Sekarang beliau tidak lagi di kementerian itu. Saya berpendapat kita boleh menguruskan ekonomi dengan lebih baik. Ia sudah pun menunjukkan hasil," katanya.

Dr Mahathir yang mengambil alih sebagai Menteri Kewangan Pertama berkata, Anwar juga banyak memperkenalkan beberapa peraturan yang tidak menguntungkan negara seperti memendekkan tempoh pembayaran pinjaman tidak berbayar (NPL) dan meningkatkan kadar faedah menyebabkan usahawan sukar melaksanakan perniagaan.

Perdana Menteri turut yakin pasaran saham negara akan terus meningkat walaupun mungkin ia mengambil masa untuk mencapai tahap seperti dulu berdasarkan prestasi masa kini.

"Jika tidak dapat mencapai 1,400 mata seperti dulu, kalau dapat capai 500, 600 atau 700 mata juga sudah cukup baik," katanya.

Perdana Menteri yakin Malaysia akan berjaya mencapai tahap negara maju berdasarkan tanda-tanda ekonomi negara yang semakin pulih.

"Ia mungkin tidak berlaku ketika saya masih hidup, tetapi saya yakin kita akan dapat mencapai tahap itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memperkenalkan beberapa langkah sebelum ini bagi memastikan pihak asing tidak lagi boleh menyerang ekonomi negara menyebabkan harga saham dan nilai mata wang negara jatuh.

"Kita rasa perlu untuk mengasingkan ekonomi kita daripada luar. Oleh itu mereka tidak boleh menyerang mata wang kita, mereka tidak boleh menyerang pasaran saham kita.

"Nilai mata wang kita sekarang ditetapkan. Ia tidak boleh keluar kerana

di luar ia tidak bernilai. Jadi pedagang mata wang tidak boleh meminjam mata wang dan mereka tidak boleh berbuat apa-apa," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan menetapkan nilai ringgit berbanding dolar Amerika pada kadar RM3.80 bagi AS\$1 juga bertujuan membolehkan usahawan tempatan merancang perniagaan dengan mudah.

Selain itu, katanya, langkah kerajaan mengharamkan perniagaan saham secara CLOB (Central Limit Order Book International) turut membantu mengukuhkan pasaran saham negara.

"Pelabur kita datang semula. Seperti yang anda tahu, meskipun kita mempunyai sedikit masalah politik, pasaran saham kita tidak begitu terjejas," katanya.

(END)